

Rencana



**ABU SUFIAN
ABU BAKAR**

SIDANG Kemuncak ASEAN ke-47 yang berlangsung pada 26 hingga 28 Oktober lalu, di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur mencatatkan beberapa pencapaian bersejarah yang akan diingati sebagai tonggak penting dalam perjalanan Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara.

Diadakan di bawah tema 'Keterangkuman dan Kemampanan', sidang ini merupakan antara perhimpunan terbesar dalam sejarah ASEAN dengan kehadiran lebih 30 ketua negara dan kerajaan, termasuk pemimpin ASEAN serta rakan dialog utama seperti Amerika Syarikat (AS), China, Jepun dan India.

Di bawah kepimpinan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN 2025, sidang ini berjaya menghasilkan lima pencapaian utama yang menggambarkan kematangan ASEAN sebagai sebuah organisasi rantau yang dinamik dan progresif.

Dengan liputan media daripada 2,854 wartawan dari 290 agensi, sidang ini bukan sahaja menarik perhatian rantau tetapi juga global. Pencapaian-pencapaian ini mencerminkan visi Malaysia untuk memajukan agenda ASEAN 2045 dan mengukuhkan peranan blok ini sebagai pemain penting dalam geopolitik dan ekonomi dunia.

DIPLOMASI INKLUSIF

Malaysia berjaya menarik kehadiran pemimpin dunia dari pelbagai blok geopolitik yang bertentangan, termasuk Presiden AS, Donald Trump dan Perdana Menteri China, Li Qiang, menandakan sebagai platform dialog neutral yang dipercayai semua pihak.

Antara ketua negara dan kerajaan, termasuk Perdana Menteri India, Narendra Modi; Presiden Brazil, Luiz Inácio Lula da Silva dan Presiden Afrika Selatan, Cyril Ramaphosa membuktikan daya tarikan ASEAN merentasi benua.

Kejayaan diplomatik ini sangat bererti dalam konteks ketegangan global semasa di mana forum antarabangsa lain sering mengalami pemboikotan atau ketidakhadiran pemimpin utama.

ASEAN membuktikan prinsip neutraliti dan tidak campur tangan yang dipegang sejak 1967 masih relevan dan berkesan dalam dunia yang terpolarisasi.

ASEAN terus relevan sebagai jambatan diplomasi global



SIDANG Kemuncak ASEAN ke-47 mencipta sejarah baharu dengan pelbagai pencapaian penting yang menjadi tonggak kemajuan ASEAN sebagai organisasi serantau dinamik.

Platform ini membolehkan musuh tradisional seperti AS, Russia dan China duduk semeja untuk membincangkan isu bersama, menjadikan ASEAN sebagai jambatan diplomatik berharga dalam sistem antarabangsa yang semakin terfragmen.

KEAHLIAN TIMOR-LESTE

Pencapaian paling monumental dalam sidang ini adalah penerimaan formal Timor-Leste sebagai ahli ke-11 ASEAN. Penandatanganan Deklarasi Penerimaan Timor-Leste ke dalam Asean pada 26 Oktober lalu menandakan pengembangan keanggotaan ASEAN yang pertama sejak Kemboja menyertai organisasi ini pada 30 April 1999.

Proses ini mengambil masa 14 tahun sejak Timor-Leste mula-mula memohon untuk menjadi ahli ASEAN pada 2011.

Penerimaan Timor-Leste sangat bererti dari segi geografi dan politik. Negara yang berpenduduk 1.3 juta ini terletak di bahagian timur Pulau Timor dan merupakan satu-satunya negara di Asia Tenggara yang belum menjadi ahli ASEAN.

Dengan kemasukan Timor-Leste, ASEAN kini benar-benar melengkapkan peta geografi Asia Tenggara. Negara ini merdeka daripada Indonesia pada 2002 selepas referendum pada 1999 dan sejak itu berusaha gigih untuk

menyertai keluarga ASEAN.

Keahlian baharu ini juga mencerminkan tema ASEAN apabila Timor-Leste, sebagai sebuah negara kecil yang masih membangun, menunjukkan komitmen ASEAN terhadap prinsip inklusiviti dan tidak meninggalkan mana-mana negara Asia Tenggara di belakang.

PERKONGSIAN STRATEGIK KOMPREHENSIF ASEAN-NEW ZEALAND

Ncapaian kedua yang tidak kurang pentingnya adalah pengumuman penubuhan Perkongsian Strategik Komprehensif ASEAN-New Zealand sempena ulang tahun ke-50 hubungan dialog antara kedua-dua pihak. Hubungan ASEAN-New Zealand bermula pada 1975, menjadikan New Zealand sebagai antara rakan dialog tertua ASEAN.

Sepanjang lima dekad ini, New Zealand membuktikan dirinya sebagai rakan yang setia dan boleh dipercayai. Negara ini menyumbang dalam pelbagai bidang termasuk pembangunan kapasiti, pendidikan dan kerjasama ekonomi.

Peningkatan status kepada Kemitraan Strategik Komprehensif menunjukkan pengiktirafan ASEAN terhadap peranan penting New Zealand

dalam rantau ini.

Perkongsian baharu ini dijangka membuka peluang kerjasama yang lebih mendalam dalam bidang perdagangan, pelaburan, teknologi hijau dan pembangunan mampan. New Zealand, dengan kepakaran dalam pertanian mampan dan teknologi bersih boleh membantu ASEAN mencapai matlamat kelestarian alam sekitar.

84 DOKUMEN BERSEJARAH

Sidang kemuncak ini menghasilkan 84 dokumen hasil, jumlah yang menggambarkan produktiviti dan kesungguhan Malaysia dalam memajukan visi ASEAN 2045. Dokumen-dokumen ini merangkumi pelbagai bidang termasuk kerjasama politik-keselamatan, ekonomi dan sosiobudaya.

Antara dokumen penting yang dihasilkan termasuk deklarasi mengenai pembangunan mineral, pelancongan berkualiti, sakanan dan pertanian serta penubuhan Rangkaian Keselamatan Kecerdasan Buatan (AI) ASEAN. Jumlah dokumen yang besar ini mencerminkan kedalaman dan keluasan agenda ASEAN dalam menghadapi cabaran abad ke-21.

Dokumen-dokumen ini juga mempersiapkan ASEAN untuk

melaksanakan Pelan Strategik Komuniti Ekonomi ASEAN 2026-2030, menggantikan Pelan Tindakan 2025 yang akan tamat tidak lama lagi. ASEAN kini menasaskan kadar penyelesaian 90 peratus untuk Pelan Tindakan semasa menjelang Disember 2025.

PENDEKATAN BAHARU

Inovasi penting yang diperkenalkan dalam sidang ini adalah pendekatan baharu di mana menteri luar dan menteri bersama bertemu secara berkala untuk menyelaraskan dasar buat pertama kalinya. Pendekatan ini menunjukkan pemahaman ASEAN bahawa isu-isu politik dan ekonomi dalam dunia moden semakin berkait rapat dan memerlukan penyesuaian yang lebih baik.

Mesyuarat bersama ini membolehkan ASEAN menangani cabaran seperti ketegangan geopolitik, rantaian bekalan global dan perdagangan digital dengan pendekatan yang lebih bersepadu. Ia juga memastikan dasar luar ASEAN tidak bercanggah dengan objektif ekonomi dan sebaliknya.

PROTOKOL PERDAGANGAN ATIGA

Majlis Penyerahan Protokol Kedua untuk Meminda Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN (ATIGA) merupakan satu lagi pencapaian penting. ATIGA adalah tulang belakang perdagangan bebas dalam ASEAN dan amendmen ini bertujuan untuk mengukuhkan lagi integrasi ekonomi rantau.

Protokol baharu ini dijangka akan memudahkan perdagangan, mengurangkan halangan bukan tarif dan meningkatkan kecekapan rantaian bekalan dalam ASEAN. Ia juga akan membantu ASEAN bersiap sedia untuk menghadapi cabangan ekonomi global yang semakin kompleks.

Pencapaian-pencapaian Sidang Kemuncak ASEAN ke-47 menunjukkan organisasi berusia 58 tahun itu masih relevan dan progresif dalam menghadapi cabaran global.

DR. Abu Sufian Abu Bakar ialah Pengerusi Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Timbalan Pengerusi Forum Ekonomi Manusia.